




Carta Organisasi Tadbir urus ICT UiTM

Pengenalan

Seksyen ini menerangkan secara umum mengenai tadbir urus dan tanggungjawab terhadap agenda ICT di universiti dalam aspek pembangunan ICT bagi merancang, mengurus, melaksana dan menyelenggara perkhidmatan ICT UiTM menerusi strategi-strategi yang ditetapkan.

Skop

- 01 Terma rujukan Ketua Pegawai Maklumat (CIO) yang bertanggungjawab menetapkan Dasar Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dan memantau keberkesanan pelaksanaan ICT di UiTM; dan
- 02 Menerangkan skop dan fungsi tadbir urus ICT.

Tadbir Urus ICT

- **Naib Canselor**
Ketua eksekutif, pentadbir dan pegawai akademik universiti.
- **Ketua Pegawai Maklumat (CIO)**
Ketua Pegawai Maklumat (CIO) UiTM dilantik selaras dengan arahan Ketua Setiausaha Negara.
- **Ketua Pegawai Maklumat Bersekutu (Associate CIO)**
Wakil CIO di peringkat pengurusan ICT UiTM bagi menjalankan tadbir urus ICT dan penyampaian maklumat.
- **Pengarah Pengurusan ICT**
Ketua yang bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan ICT kepada UiTM
- **Pegawai Keselamatan ICT (ICTSO).**
Pelantikan Pegawai Keselamatan ICT bagi memastikan Dasar Keselamatan ICT UiTM dipatuhi.
- **Pegawai Skim Perkhidmatan Teknologi Maklumat**
Membangun, mengurus, mengawal, memantau dan menyelenggara kemudahan dan perkhidmatan ICT.
- **Pemegang Taruh**
Pelajar, ibubapa, masyarakat, industri dan negara amnya.
- **Pengguna**
Staaf, pelajar, serta pihak ketiga dan mana-mana pihak yang menggunakan kemudahan ICT universiti.